

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

HSE 351 - Sejarah Eropah Moden

Tarikh: 13 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.  
( 3 jam )

Jawab EMPAT(4) soalan.

1. Revolusi-revolusi besar seringkali diikuti oleh zaman pemerintahan berkuasa mutlak. Bincangkan teori ini dengan rujukan kepada Revolusi Perancis (1789) dan Revolusi Rusia (1917).
2. Pada tahun 1815-1848 pemikiran liberal dan pemikiran nasionalis dianggap radikal dan bahaya oleh para pemerintah, dan nasionalis di Eropah Tengah dilihat sebagai pengkhianat negara. Terangkan cita-cita pihak liberal dan nasionalis itu, dan mengapa kerajaan-kerajaan konservatif cuba menindas pihak-pihak tersebut.
3. Menurut van der Meulen, 'revolusi industri pertama adalah merupakan revolusi dalam organisasi kerja'. Bincangkan perhubungan di antara perubahan teknikal (seperti penciptaan mesin baru dan kegunaan sumber tenaga baru) dan perubahan sosial.
- ④ Terangkan dasar-dasar dan tindakan Bismarck pada 1860-1890 sebagai contoh realpolitik.
5. Terangkan mengapakah kelas pekerja hanya timbul sebagai faktor politik pada akhir kurun ke-19, dan bincangkan kekuatan dan kelemahan gerakan pekerja.
6. Bincangkan, dari sudut falsafah, kaedah dan matlamat, perbezaan antara sosialisme bercorak revolusi dan sosialisme yang berjuang untuk mencapai pembaharuan di dalam sistem perlembagaan.

7. Sejauh manakah revolusi Rusia dan sistem komunis yang diperkenalkan di Rusia selepas tahun 1917 adalah sesuai dengan pemikiran Marx?
8. Pada tahun-tahun 1920-an Adolf Hitler tidak merupakan tokoh politik yang penting, tetapi selepas tahun 1930 dia menjadi diktator negara Jerman. Sejauh manakah kejayaan Hitler tertumpu kepada ciri-ciri peribadi dan ideologinya, dan sejauh manakah kepada keadaan ekonomi, politik dan sosial dalam negara Jerman pada ketika itu?

-ooo000ooo-